



3.5.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

AKADEMI PERKHIDMATAN AIR PULAU PINANG ADAKAN KAMPUS CAWANGAN DI KUALA LUMPUR

- **PBA Resources Sdn Bhd dan Malaysian Water Academy Sdn Bhd (MyWA) menandatangani perjanjian kerjasama latihan teknikal.**
- **Akademi Air Malaysia (MyWA) dari Kuala Lumpur menjadi kampus cawangan PWSA yang menawarkan program latihan industri bekalan air yang diakreditasi kerajaan.**

PULAU PINANG, Jumaat, 3.5.2019: PBA Resources Sdn Bhd (PBAR) telah menandatangani perjanjian kerjasama dengan Malaysian Water Academy Sdn Bhd (MyWA) untuk terus menggalakkan dan menyediakan latihan kompetensi teknikal bagi industri bekalan air Malaysia.

PBAR, anak syarikat 100% milik PBA Holdings Bhd, menguruskan Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA) yang berpangkalan di Pulau Pinang.

MyWA yang ditubuhkan oleh Persatuan Air Malaysia (MWA) pada tahun 2010. MWA adalah persatuan kebangsaan untuk bekalan air dan utiliti pembedaan, serta pengeluar, perunding, kontraktor, pembekal, regulator dan ahli akademik yang terlibat dalam industri bekalan air dan pembentungan.

Melalui perjanjian itu, MyWA, yang berpusat di Kuala Lumpur, menjadi kampus cawangan PWSA yang menyediakan program latihan PWSA.

PWSA membantu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KKM) untuk membangunkan piawaian kemahiran dan kerangka pekerjaan bagi program latihan Sijil Kemahiran



Malaysia (SKM) untuk industri bekalan air. Sejak tahun 2014, PWSA telah diiktiraf oleh JPK untuk menyediakan kursus SKM yang membawa kepada pensijilan kecekapan (kompetensi) teknikal yang diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan. Setakat ini, PWSA telah membantu 945 graduan memperoleh sijil SKM mereka.

Sebagai kampus cawangan PWSA, MyWA kini dapat membantu lebih ramai lepasan sekolah dan kakitangan industri bekalan air untuk mendapatkan pensijilan kecekapan teknikal.

Ini adalah perjanjian “perkongsian pintar” kedua yang ditandatangani oleh PBAR untuk menggalakkan pensijilan kecekapan teknikal di seluruh Malaysia.

Pada 3.12.2018, PBAR menandatangani perjanjian yang sama dengan KYM STES Sdn Bhd, (KYM STES) syarikat yang menguruskan “Institut Air Malaysia” di Melaka. KYM STES adalah anak syarikat Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka. MWI juga menjadi kampus cawangan PWSA.

Relevan dan Kepentingan Latihan Kompetensi

Pada tahun 2018, penduduk Malaysia dianggarkan 32.4 juta orang. Untuk rekod, purata sebanyak 95.5% daripada penduduk memperoleh perkhidmatan bekalan air di seluruh negara.

Berdasarkan statistik ini, boleh dikatakan bahawa industri bekalan air di Malaysia menjadi industri yang melayani lebih daripada 30.9 juta pelanggan pada 2018.

Selain itu, disebabkan permintaan air yang semakin meningkat dan perubahan iklim, berbilion ringgit dilaburkan untuk menaik taraf infrastruktur bekalan air dan mengoptimumkan sumber air di seluruh negara.

Pendek kata, industri bekalan air menjadi satu industri perkhidmatan awam yang semakin penting. Sehubungan itu, Malaysia mesti memupuk pembangunan tenaga kerja industri bekalan air yang cekap (kompeten) untuk memastikan perkhidmatan bekalan air yang baik untuk semua rakyat dan semua perniagaan di negara ini.

Pada bulan November 2016, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi pengendali



bekalan air untuk mendapatkan pensijilan kecekapan untuk semua kakitangan teknikal mereka. KPI ini berkaitan dengan Seksyen (49) 1 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (AIPA 2006). Sijil kecekapan minimum adalah pensijilan SKM.

Sehingga kini, belum ada organisasi bekalan air yang mencapai pematuhan 100% kepada SPAN KPI ini.

Pulau Pinang mensasarkan untuk menjadi negeri pertama yang mematuhi KPI ini pada akhir tahun 2019. Dengan berbuat demikian, kami juga akan menjadi negeri pertama yang mencapai 100% kecekapan kakitangan teknikal dalam industri bekalan air di Malaysia.

Melalui perkongsian dengan MyWA di Kuala Lumpur dan KYM STES di Melaka, kami berharap dapat membantu lebih banyak organisasi bekalan air mencapai matlamat ini. Kami menyokong hala tuju kebangsaan ke arah kecekapan teknikal sepenuhnya dalam industri air Malaysia.

Program Latihan PWSA

Sebagai kampus cawangan PWSA, MyWA akan dapat menawarkan kursus-kursus SKM berikut kepada semua pelajar lepasan sekolah dan pekerja industri bekalan air sedia ada:

No.	Program	Sub-Program	Tahap
1	Pengagihah Air	Operasi Pengagihan Air	2
		Penyeliaan Pengagihan Air	3
2	Rawatan Air	Perkhidmatan Operasi Rawatan Air	2
		Operasi Penyeliaan Rawatan Air	3
3	Pengagihah Air	Juruteknik Instrumentasi Pengagihan Air	2
4	Air Tanpa-Hasil (NRW)	Operasi NRW	1
		Operasi NRW	2
		Kawalan Operasi NRW	3

MyWA juga akan menawarkan kursus latihan profesional PWSA dalam topik berikut:

- Pengagihan Air
- Rawatan Air



- Instrumentasi
- Operasi dan Keselamatan Empangan
- Perkhidmatan Pelanggan

Majlis menandatangani ini menandakan satu peristiwa penting dalam latihan kompetensi industri bekalan air di Malaysia.

Industri bekalan air Malaysia memerlukan kumpulan pekerja industri bekalan air yang kompeten dalam aspek teknikal untuk berkhidmat kepada negara pada masa ini dan akan datang. PBAR mengalu-alukan kerjasama dengan MWASB untuk memenuhi keperluan ini.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



2.5.2019: Dato' Ir. Jaseni Maidinsa and Datuk Ir. Abdul Kadir Mohd Din exchanging documents after the agreement signing ceremony between PBA Resources Sdn Bhd and Malaysian Water Academy Sdn Bhd.



2.5.2019: (From left) Dato' Ir. Jaseni Maidinsa, CEO of PBA Holdings Bhd & PBAPP, Dr. Ching Thoo A/L Kim, Under Secretary of the Water and Sewerage Division, KATS, and Datuk Ir. Abdul Kadir Mohd Din, Chairman of Malaysian Water Academy.